



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	20/3/2019	MUKA SURAT	: 7
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

# Siti dilumur 7kg serbuk kunyit



PETUGAS zoo melumurkan serbuk kunyit pada badan Siti di Zoo Negara kelmarin.

Oleh WAN AMSYAR JAILANI

## KUALA LUMPUR

Sebanyak 7 kilogram (kg) kunyit dilumurkan pada badan seekor gajah betina bernama Siti di Zoo Negara, Hulu Kelang dekat sini kelmarin.

Pengeluar produk makanan, Adabi Consumer Industries Sdn. Bhd. (Adabi) berkata, serbuk kunyit yang kebiasaannya digunakan dalam masakan memberi khasiat pada kulit mamalia tersebut.

“Siapa sangka serbuk kunyit yang sering digunakan sebagai bahan dalam masakan mempunyai pelbagai khasiat lain termasuk dalam perubatan haiwan.

“Aktiviti melumurkan kunyit pada gajah (Siti) bermula pada pukul 9 pagi semalam (kelmarin),” katanya menerusi laman Facebook

rasmi.

Bahan masakan itu kemudiam dibartkan meresap ke dalam kulit Siti yang berusia 40 tahun selama tiga jam sebelum dibersihkan.

Menurut kenyataan itu, kaedah melumurkan kunyit pada kulit gajah telah dipraktikkan di zoo lain sebelum ini kerana khasiat semula jadi tumbuhan itu yang baik untuk kulit gajah seperti merawat luka kecil, gigitan serangga dan agen pemulih kulit.

Sementara itu, Timbalan Presiden Zoo Negara, Rosly @ Rahmat Ahmad Lana berkata, kaedah melumurkan kunyit pada gajah itu sudah lama digunakan tetapi tidak dikongsi kepada umum.

“Kaedah itu bukan sahaja dipraktikkan untuk gajah

### INFO Kebaikan serbuk kunyit

- Merawat luka kecil
- Merawat gigitan serangga
- Bertindak sebagai antiseptik pada kulit
- Sebagai agen pemulih kulit

sahaja, tetapi haiwan-haiwan peliharaan lain. Kaedah sama turut dilaksanakan di India bagi tujuan merawat kulit haiwan,” katanya, ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Selain Siti, terdapat seekor lagi gajah betina bernama Sibol di Zoo Negara. Jelasnya, melalui aktiviti itu, pihaknya menerima tajaan 40kg serbuk kunyit setiap bulan untuk tempoh dua tahun daripada Adabi.